

Soal Berbilang Isteri dalam Islam

(10)

Masalah isteri nusyuz (ingkar), yang kadang-kadang ((digantung tidak bertali)), masalah beristeri lebih dari satu atau ((poligami)), dan masalah talak, selalu menjadi perbincangan masyarakat.

Masalah-masalah ini telah diguraikan oleh Dr. 'Alī 'Abd al-Wāḥid Wāfi, Mesir, dalam bukunya:

“Bayt al-Ṭā‘ah wa Ta‘addud al-Zawjāt wa al-Ṭalāq fi al-Islām”

Huraiannya yang berharga ini kita siarkan di sini dengan harapan menjadi penerangan yang berguna tentang kedudukan masalah-masalah ini sebenarnya.

Dalam bilangan-bilangan yang lalu, telah dihuraikan satu persatu tentang masalah yang pertama (soal isteri nusyuz), dan mulai siaran yang ke 4 dan seterusnya, pengarangnya, menghuraikan pula masalah yang kedua - soal berbilang isteri dalam Islam.

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh)

Peraturan Memakai Gundik Dalam Islam

(3, Surah al-Nisa’).

Selain daripada peraturan berbilang isteri, Islam telah mengharuskan bagi lelaki memakai gundik dari kalangan hamba-hamba perempuan yang dimilikinya dengan tidak terikat kepada jumlah bilangan dan tidak kepada akad perkahwinan. Perkara yang diizinkan ini ada tersebut di dalam ayat itu sendiri yang membenarkan beristeri lebih dari satu, iaitu firman Allah Ta‘ālā:

“wa in khiftum ‘allā tuqsiṭū fi al-yatāmā fa ankihū mā ṭāba lakum min al-nisā’ a muthannā wa thulātha wa rubā’, fa in khiftum allā ta’ dilū fa wāḥidatu ‘aw mā malakat aymānukum”

Ertinya: “Dan jika kamu takut, bahawa kamu tidak akan sanggup berlaku adil tentang beristerikan anak-anak yatim, maka berkahwinlah dengan perempuan-perempuan yang kamu sukai: dua, dan tiga, dan empat, tetapi jika kamu takut bahawa kamu tidak akan sanggup berlaku adil juga, maka berkahwinlah seorang sahaja, atau pakailah hamba-hamba perempuan yang kamu miliki”

Hamba-hamba perempuan yang dimiliki itu ada tersebut dalam beberapa ayat yang lain, di antaranya ialah firman Allah Ta‘ālā mensifatkan orang-orang yang beriman:

“*wa al-ladhīna hum li furūjihim ḥāfiẓūn illā ‘alā azwājihim ‘aw mā malakat aimā nihim fa innahum ḡhayru malūmīn*”
(6-5, Surah al-Mu‘minūn)

Ertinya: “Dan mereka (yang beriman itu) ialah mereka yang memelihara akan kemaluannya. Kecuali terhadap isteri-isteri dan hamba-hamba perempuan yang mereka memiliki, maka sesungguhnya mereka tidaklah tercela”

Dan tersebut juga di dalam firmanNya:

“*yā ayyuha al-nnabīyyu innā ‘aḥlalnā laka azwājaka al-lāṭī āṭayta ‘ujūrahunna wa mā malakat yamīnuka mimnā afā’a Allah ‘alayka.*”
(50, Surah al-Ahzab)

Ertinya: “Wahai Nabi sesungguhnya Kami telah halalkan bagimu isteri-isterimu yang telah engkau berikan mas kahwin-mas kahwin mereka, (dan kami telah halalkan bagimu) hamba-hamba perempuan yang engkau miliki, dari tawanan-tawanan perang yang telah dikurniakan Allah kepadamu.”

Banyak di antara penulis-penulis Barat telah memperkatakan peraturan ((memakai gundik)) ini, dan telah melemparkan kepadanya beberapa celaan. Mereka mengatakan bahawa sikap Islam mengharuskan kepada seseorang lelaki yang menjadi tuan (bagi hamba-hamba perempuan) untuk bersenang-senang dengan hamba-hamba perempuan kepunyaannya dan menjadikan mereka gundiknya dengan tidak memakai akad perkahwinan adalah mengandungi perbuatan yang mempersia-siakan kehormatan manusia, kerana seseorang hamba perempuan itu dilakukan kepadanya – oleh tuannya seperti yang dilakukan kepada benda-benda jualan, menurut sesuka hatinya dan hawa nafsunya, dengan tidak meraikan kehormatan kamanusiaannya, dan dengan tidak terikat dengannya dengan sesuatu perjanjian. Mereka juga mengatakan bahawa sikap Islam mengharuskan peraturan bergundik ini dengan tidak menghadkan jumlah bilangan (hamba-hamba perempuan yang dijadikan

gundik itu) adalah memudahkan tabiat-tabiat kebinatangan terlepas dari ikatannya, dan membebaskan dari belenggu-belenggu yang telah dibelenggukan kepadanya oleh peraturan tamadun manusia

Penulis-penulis Barat itu yang sebenarnya jahil tentang kedudukan yang betul bagi peraturan bergundik di dalam Islam, dan telah buta mata mereka daripada tujuan yang tinggi yang dikehendaki oleh Allah ‘*Azza wa Jalla* dalam mengharuskannya.

Sebabnya ialah kerana Islam telah zahir dalam zaman yang di dalamnya peraturan hamba abdi menjadi salah satu asas yang di atasnya bertapak segala segi kehidupan iktisad (ekonomi), dan bersandar kepadanya segala cabang hasil pengeluaran dalam kalangan segala bangsa di dunia. Maka tidaklah akan dapat dilakukan perbaikan masyarakat kalau seseorang pencipta undang-undang cuba mengharamkannya dengan sekali gus, kerana percubaan yang seperti ini akibatnya akan mendedahkan perintah-perintah pencipta undang-undang itu kepada perbuatan tidak mematuhi dan melanggarnya. Kalau orang yang mencipta undang-undang itu berpeluang menggunakan cara-cara kekuatan dan kekerasan yang membolehkannya menundukkan penduduk dunia untuk menjalankan apa yang diperintahkan itu, maka ia dengan cara yang tersebut mendedahkan kehidupan masyarakat dan iktisad untuk mengalami satu gegaran yang dahsyat, dan akan membawa undang-undangnya itu kepada bahaya yang besar, yang tidak kurang keburukannya daripada apa yang akan dialami oleh kehidupan kita pada zaman ini kalau segala bank dan syarikat dihapuskan dengan cara mengejut, atau diharamkan menggunakan buruh dan menetapkan tiap-tiap seorang pemodal hendaklah menjalankan perusahaannya dengan tangannya sendiri, atau menghapuskan penggunaan kereta api atau

(sambungannya pada muka 25)

(sambungan dari muka 20)

penggunaan tenaga wap: kerana hamba abdi adalah menjadi wap bagi alat-alat ekonomi pada zaman-zaman itu.

Oleh yang demikian, Islam telah mengakui akan perhambaan (hamba abdi). Tetapi Islam mengakuinya dalam satu cara yang membawa kepada penghapusannya sedikit demi sedikit, dengan tidak mendatangkan kesan yang buruk kepada susunan masyarakat manusia, bahkan dengan tidak disedari oleh seseorang pun akan sesuatu perubahan dalam perjalanan hidup. Jalan yang telah diperkenan oleh Islam untuk mencapai tujuan yang tersebut ialah satu jalan yang bijaksana dan berkesan serta benar pula natijahnya. Jalan yang tersebut ialah tersimpul pada perbuatan menyempitkan punca-punca yang mengalirkan perhambaan dan mengekalkan wujudnya, dan juga tersimpul pada meluaskan jalan-jalan keluar yang membawa kepada hamba abdi itu dimerdehekakan dan dibebaskan. Dengan jalan yang demikian perhambaan itu menjadi ibarat sebatang sungai yang banyak kualanya, dan yang terputus pulau hulunya yang mengalirkan airnya. Sungai yang demikian keadaannya sudah tentu kesudahannya akan kering. Dengan itu, Islam telah menyediakan cara-cara yang menghapuskan perhambaan dalam satu keadaan yang damai dan tenang, dan telah memberi kesempatan kepada dunia beroleh satu masa peralihan, untuk melenyapkan peraturan berhambaan abdi itu sedikit demi sedikit.

Di antara punca-punca yang mengembangkan perhambaan (hamba abdi) ialah berpindahannya dengan jalan warisan kepada anak yang dilahirkan oleh segala bangsa yang menggunakan peraturan berhambaan abdi ini, bahawa anak itu mengikut ibunya dalam keadaan perhambaan atau kemerdehekaan, dengan

tidak mengambil tahu tentang keadaan bapanya. Jelasnya, anak hamba perempuan adalah dilahirkan dalam keadaan hamba yang dimiliki oleh tuan hamba perempuan itu sekalipun bapa si anak yang tersebut seorang yang merdeheka, dan sekalipun bapanya itu ialah tuan itu sendiri.

Punca ini ialah salah satu punca perhambaan yang utama, bahkan yang terutama dari segala punca perhambaan yang lain, dan yang sangat besar kesannya pada memelihara peraturan berhambaan abdi ini, dan mengekalkannya terus menerus pada segala zaman, sehingga kemudian daripada terputusnya segala punca-puncanya yang lain.

Dengan sebab itu, Islam pun bertumpu kepada punca ini dan mengarahkannya menurut satu arahan yang membawa kesudahannya kepada terputus dalam satu masa yang tidak lanjut, sehingga berakhir kepada penghapusan peraturan berhambaan abdi itu sendiri, atau runtuh asasnya yang terpenting yang menjadi sandaran perhambaan untuk mengekalkan wujudnya.

Islam pun mengharuskan bagi seorang tuan punya hamba abdi menjadikan hamba perempuannya itu gundiknya sebagaimana yang biasa berlaku sebelum Islam dalam segala ugama dan undang-undang manusia yang menghalalkan perhambaan (berhambaan abdi). Tetapi Islam telah menyalahi segala agama dan undang-undang manusia yang tersebut dalam natijah-natijah kemasyarakatan yang besar yang timbul dari perbuatan memakai gundik itu. Iaitu Islam telah menetapkan bahawa hamba perempuan apabila dijadikan gundik oleh tuannya lalu melahirkan anak, lelaki atau perempuan, maka anak itu dilahirkan dalam keadaan merdeheka apabila diiktiraf oleh tuan ibunya, yakni diakui bahawa si anak itu ialah benihnya. Islam mewajibkan tuan punya hamba perempuan itu supaya mengakui akan anak-anak yang dilahirkan oleh

hamba perempuannya dari hasil perhubungannya dengan dia, dan bahawa semua anak yang dilahirkan oleh hamba perempuan yang tersebut sesudah itu adalah sabit nasabnya kepada tuan yang menjadi ayahnya itu, dan ia dilahirkan dalam keadaan merdeka dengan tidak berkehendak kepada pengakuan yang lain, yang tegas, kerana pengakuan yang pertama itu menjadi dalil tentang bahawa ia telah menggunakan hamba perempuan yang tersebut menjadi gundiknya, dan bahawa hamba perempuan itu, yang melahirkan anak hasil percampurannya dengan tuannya, akan gugur daripadanya sifat hamba dengan sepenuhnya dan menjadi seorang yang merdeka sebaik-baik sahaja tuannya itu mati. Dan bahawa hak tuannya memilikinya semasa hidupnya adalah satu hak milik yang terikat lagi lemah. Ia (tuannya) tidak harus baginya menjualnya atau memberikannya kepada orang lain, dan tidak harus baginya melakukan sesuatu yang menghalangi kemerdekaannya.

Hukum yang seperti ini juga berlaku pada segala perkara yang tersebut dalam masa hamba perempuan itu melahirkan anak daripada orang lain, apabila tawanan mengahwinkannya dengan orang lain setelah ia (tuannya) mendapat anak daripadanya. Apabila hamba perempuan itu berkahwin dengan orang lain dan mendapat anak, maka anaknya itu akan menjadi merdeka sebaik-baik tuannya itu mati sebagaimana ia sendiri akan menjadi merdeka sebaik-baik tuannya itu mati.

Tentang ini Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda mengenai hamba perempuannya, Māriyah al-Qibṭiyyah tatkala melahirkan puteranya Ibrāhīm:

“I’taqahā waliduhā”

Ertinya: “Ia (Māriyah) telah dimerdekakan oleh anaknya.”

Yakni dengan sebab ia melahirkan seorang anak lelaki, telah membawa kepada kemerdekaannya dan gugurlah sifat hamba sahaya daripadanya. (Lihat kitab (*Badā’i’ al-Ṣana’i’*), oleh al-Kāsānī, juzuk 4, muka 124)

Dan sabdanya lagi:

“‘ummu al-walad lā attibā‘a wa lā tawhiba, wa hiya ḥurrah min jamī‘ al-māl.”

Ertinya: “Hamba perempuan yang melahirkan anak (hasil percampurannya dengan tuannya) tidak boleh dijual atau diberikan kepada siapa-siapa, ia adalah merdeka sebaik-baik sahaja tuannya mati, walau setakat mana tingginya harganya (harga batang tubuhnya) dan walau setakat mana banyaknya hutang-hutang atas harta pusaka dan wasiat-wasiat yang diwasiatkan oleh tuannya yang mati. (kitab yang tersebut, di muka 129)

Saiyidina ‘Umar pula pernah membantah akan orang-orang cuba hendak menjual hamba-hamba perempuan yang telah melahirkan anak, katanya:

“Adakah sesudah bercampur daging kamu dengan

Buku-buku Pelajaran Agama

Panduan Wanita		80 sen
Hukum Taharah dan Air		80 “
Hukum Bersuci		40 “
Mari Sembahyang (lelaki)		1.00
Mari Sembahyang (perempuan)		1.00
Pelajaran Sembahyang	1	1.20
Pelajaran Sembahyang	2	1.20

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura

daging mereka, dan darah kamu dengan darah mereka,
mahu pula kamu menjual mereka?! (kitab
yang tersebut, muka 124)

Daripada keterangan-keterangan ini nyatalah bahawa pergaulan seorang lelaki dengan hamba perempuan yang dimilikinya (iaitu menggunakannya menjadi gundiknya) adalah membawa di dalam Islam kepada kemerdekaan sekalian keturunannya hingga hari kiamat, dan bahawa natijah-natijah besar, yang telah diatur oleh Islam atas pergulan (memakai gundik) ini, dan hanyalah Islam yang mengharuskannya dari antara segala agama yang lain yang mengakui akan perhambaan (hamba abdi), adalah kesannya membawa kepada pupusnya punca yang mengembangkan perhambaan itu dalam peringkat masa yang tidak lanjut. Dengan itu akan runtuhlah tiang yang penting tempat perhambaan itu bersandar untuk mengekalkan wujudnya.

Islam telah mengharuskan orang-orang yang memiliki hamba perempuan menggunakannya menjadi gundiknya supaya dengan yang demikian itu menjadi jalan kepada kemerdekaan hamba abdi. Islam telah menggunakan cara bergundik ini untuk melenyapkan perhambaan dan menyebarkan kebebasan dalam kalangan umat manusia.

Bagi menjayakan tujuan yang berdasarkan kemanusiaan yang mulia ini menurut bentuk yang selengkap-lengkapnyanya, Islam telah mengharuskan seseorang menggunakan hamba-hamba perempuannya menjadi gundiknya dengan tidak terikat kepada akad nikah dan jumlah bilangannya. Islam tidak mengikatnya dengan akad dan tidak juga dengan ijab dan kabul, kerana sesuatu jalan yang membawa kepada kemerdekaan sekalian keturunannya hingga hari kiamat, tidaklah betul dan sah jika terhenti kepada pendapat atau persetujuannya

hamba perempuan itu, bahkan hendaklah dipermudah jalan-jalannya dan direbut peluang sebaik-baik tuannya mahu menjadikan dia gundiknya. Islam juga tidak mengikatnya dengan jumlah bilangan yang terhad bahkan telah mengharuskan seseorang lelaki memakai gundik dari hamba-hamba perempuan yang dimilikinya seberapa banyak (tidak terhad jumlahnya), kerana sesuatu jalan yang membawa kepada kemerdekaan hamba-hamba perempuan dan menghubungkan nasab (susur galur) anak-anak mereka dengan tuan yang memiliki mereka, dan kemerdekaan sekalian keturunan mereka hingga hari kiamat, tidaklah betul dan sah jika ia dihadkan bilangannya, kerana mengikatnya dengan had bilangan yang tertentu bermakna mengikat dan menutup segala jalan keluar. Kemerdehekaan dan mengekalkan punca-punca yang menimbulkan dan mengembangkan hamba abdi. Bahkan sesuai dengan tujuan yang mulia yang dikehendaki oleh Islam, orang-orang yang mempunyai hamba-hamba perempuan seyogianya digalakkan memakai gundik dan membanyakkan jumlah bilangannya, supaya nikmat kemerdekaan hamba abdi itu meliputi sebesar-besar jumlah yang boleh, dan supaya menghapuskan hamba abdi dalam waktu yang singkat yang dapat dilakukan.

Daripada segala keterangan yang disebutkan itu nyatalah setakat mana cacatnya tuduhan-tuduhan penulis-penulis Barat terhadap peraturan bergundik di dalam Islam, dan nyata kelihatan kepada kita tujuan-tujuan kemanusiaan yang tinggi dan mulia yang dimaksudkan oleh Islam dengan mengharuskan peraturan (memakai gundik) ini dan meluaskan pemakaiannya dengan tidak mengikatnya dengan akad nikah dan tidak juga dengan jumlah bilangan.

-bersambung.